



**PROSEDUR STANDARD OPERASI (SOP) BAGI PROJEK PEMBINAAN
KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (PSP) PASCA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Maklumat dan Kawalan Versi Dokumen

PROSEDUR OPERASI STANDARD	No. Dokumen	7/2020
	No. Keluaran	2
	No. Pindaan	0
	Tarikh Kuatkuasa	29 Julai 2020
	Kategori Dokumen	Terbuka

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I

- 1. TUJUAN**
- 2. KUATKUASA**
- 3. LATAR BELAKANG**

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN DAN PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK-PROJEK PEMBINAAN KEMUDAHAN PSP

- 4. AMALAN YANG PERLU DIPATUHI**
- 5. PROSEDUR KERJA**
- 6. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SEKIRANYA TERDAPAT PEKERJA
DIJANGKITI COVID-19**
- 7. PENGECUALIAN**

BAHAGIAN I

1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* – SOP) ini bertujuan untuk memperincikan prosedur-prosedur tambahan bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan kemudahan pengurusan sisa pepejal (PSP) di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. KUATKUASA

Prosedur Operasi Standard ini berkuatkuasa dengan **serta merta**.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 JPSPN adalah agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek pembinaan kemudahan PSP.
- 3.2 Projek-projek pembinaan kemudahan PSP merangkumi seperti berikut:
 - 3.2.1 Pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari;
 - 3.2.2 Pembinaan stesen pemindahan sisa pepejal;
 - 3.2.3 Penutupan selamat tapak pelupusan; dan
 - 3.2.4 Pembinaan kemudahan rawatan sisa pepejal seperti Insinerator, *Anaerobic Digester* (AD), kemudahan pengkomposan, *Material Recovery Facility* (MRF) dan sebagainya.
 - 3.2.5 Pembinaan fasiliti-fasiliti infrastruktur lain seperti jalan masuk tapak pelupusan, menaiktaraf kemudahan tapak pelupusan dan sebagainya.
- 3.3 Kontraktor dalam mematuhi SOP ini perlu mengambilkira SOP lain yang dikeluarkan oleh JPSPN dan lain-lain agensi sekiranya perlu dalam menjalankan pembinaan di tapak bina.

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN DAN PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK-PROJEK PEMBINAAN KEMUDAHAN PSP

4. AMALAN YANG PERLU DIPATUHI

- 4.1 Kontraktor dan perunding perlu sentiasa mematuhi semua SOP berkaitan projek pembinaan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.
- 4.2 Kontraktor dan perunding perlu sentiasa mematuhi **Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di Tapak Bina Bil. 1/2020** dan **Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di Tapak Bina Bil. 2/2020** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta lain-lain garis panduan berkaitan pengurusan sisa pepejal yang dikeluarkan oleh JPSPN.
- 4.3 Kontraktor dan perunding hendaklah memastikan pekerja menjaga jarak seperti yang ditetapkan KKM iaitu penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter, mengenakan pelitup muka (*face mask*) dan sarung tangan (*glove*).
- 4.4 Kenderaan yang digunakan oleh pekerja di tapak bina **masih perlu** dilaksanakan proses nyah kuman sebelum dan selepas digunakan.
- 4.5 Pekerja-pekerja di tapak bina perlu mengenakan pelitup muka (*face mask*) dan sarung tangan (*glove*) semasa memasuki dan keluar dari tapak bina.
- 4.6 Kontraktor perlu menyediakan peralatan seperti *outdoor shower* bagi memastikan kebersihan pekerja seliaan masing-masing dalam keadaan terjaga.
- 4.7 Kontraktor juga perlu menyediakan tisu, *hand sanitizer* dengan sekurang-kurangnya 70% alkohol dan sabun semasa operasi harian dijalankan.
- 4.8 Semua amalan di perenggan 4.3 sehingga 4.7 perlu dilakukan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) bulan selepas arahan penamatan PKP oleh Kerajaan dilaksanakan.

5. PROSEDUR KERJA

- 5.1 Pekerja tidak dibenarkan bekerja sekiranya berada dalam situasi berikut:
 - i. suhu badan melebihi 37.4° celcius;
 - ii. mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk, demam, sesak nafas dan lain-lain; dan
 - iii. *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan kontak kepada kes positif.
- 5.2 Setiap pekerja terutama yang bekerja di kawasan tertutup perlulah mengamalkan jarak 1 meter antara satu sama lain.
- 5.3 Kontraktor dan perunding **dibenarkan** untuk mengadakan mesyuarat di tapak. Walau bagaimanapun, setiap ahli mesyuarat perlu mengawasi penjarakan sosial, mengenakan pelitup muka dan menggunakan *hand sanitizer* dengan kerap.
- 5.4 Menggunakan pelitup muka dan sarung tangan yang bersesuaian ketika menjalankan kerja-kerja di tapak bina.
- 5.5 Sebelum meninggalkan tempat kerja, semua pekerja perlu diambil suhu badan dan melaksanakan proses sanitasi seluruh badan. Ini perlu dilaksanakan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas arahan penamatan PKP oleh Kerajaan dilaksanakan.
- 5.6 Bagi tapak bina yang mempunyai kantin, pihak pengusaha kantin perlu memastikan penjarakan sosial (*social distancing*) dengan jarak 1 meter antara satu sama lain dipatuhi dan menghadkan bilangan pengunjung yang berada di kantin pada sesuatu masa terutama ketika waktu makan tengahari.
- 5.7 Pengusaha kantin hendaklah memastikan kesemua makanan yang disediakan adalah tertutup dan pekerja kantin mengenakan pelitup muka dan sarung tangan yang bersesuaian.
- 5.8 Lawatan tapak oleh pelawat luar hendaklah dihadkan kepada yang telah mendapat kelulusan lawatan daripada JPSPN dan hanya memberi kebenaran kepada pelawat yang sihat untuk memasuki tapak bina tersebut.

6. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SEKIRANYA TERDAPAT PEKERJA DIJANGKITI COVID-19

- 6.1 Menghubungi pihak berkuasa kesihatan dengan kadar yang segera.
- 6.2 Memberhentikan kerja-kerja di tapak bina dan kesemua kontak dengan pekerja yang dijangkiti COVID-19 **TIDAK DIBENARKAN** pulang ke rumah dan perlu ke hospital untuk mengambil pengujian pengesahan COVID-19.
- 6.3 Memberhentikan kerja-kerja di tapak bina sehingga proses nyah kuman oleh pihak berkuasa kesihatan selesai dijalankan.
- 6.4 Kesemua pekerja perlu menjalani kuarantin 14 hari di rumah walaupun didapati negatif COVID-19. Kontraktor dan perunding perlu mendapatkan pekerja tambahan bagi menjalankan kerja-kerja di tapak bina selepas kerja-kerja nyah kuman oleh pihak berkuasa kesihatan selesai.

7. PENGECUALIAN

JPSPN berhak meminda terma SOP tertakluk kepada situasi dan arahan Kerajaan daripada semasa ke semasa.

TERBITAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2020